



# Penterjemah

CASA House boleh bercakap dengan anda menerusi penterjemah. Sila hubungi nombor pengambilan kami di talian (03) 9635 3610 dan nyatakan nama, bahasa pertuturan dan nombor telefon anda. Kami akan menghubungi anda semula dengan seorang penterjemah.

Anda juga boleh menelefon Perkhidmatan Alih Bahasa dan Penterjemahan Nasional di talian 131 450.

## CASA House

**CASA House memberikan perkhidmatan sokongan kaunseling pakar dan advokasi bagi mangsa-mangsa yang mengalami serangan seksual. Kami membantu mereka yang berumur lebih daripada 16 tahun, sebarang jantina, seksualiti atau latar belakang.**

- Perkhidmatan kami adalah percuma untuk semua orang. Anda tidak perlu memiliki kad Medicare atau surat rujukan. Anda boleh memperolehi akses kepada perkhidmatan kami dengan menghadirkan diri, melalui internet atau menerusi telefon.
- Kami adalah sebahagian daripada Hospital Royal Women di Melbourne. Pejabat utama kami adalah di pusat badaraya Melbourne. Kami juga bertugas di Broadmeadows, Craigieburn dan Sunbury dan di Hospital Royal Women.
- Kami memberi sokongan kepada mereka yang menginap, bekerja dan belajar di kawasan barat laut pinggir badaraya Melbourne. Kawasan-kawasan perbandaran kami yang utama adalah Merri-bek, Hume, Moonee Valley, Yarra dan Bandaraya Melbourne. Sekiranya anda berada di luar daripada kawasan-kawasan ini, anda boleh mencari perkhidmatan tempatan anda di laman web [Sexual Assault Services Victoria](#).

## Perkhidmatan

### Sokongan Krisis

**Sokongan krisis boleh didapati oleh mangsa-mangsa yang telah mengalami serangan seksual dalam masa dua minggu sebelumnya. Kami menamakan sokongan ini Pusat Penjagaan Krisis atau CCU.**

- Perkhidmatan ini disediakan 24 jam sehari disediakan oleh pertubuhan pakar serangan seksual di serata negeri Victoria, di kawasan bandar dan luar bandar. Anda boleh mendapatkan bantuan sokongan krisis pada bila-bila masa: 24 jam sehari, sepanjang tahun. Ianya adalah percuma bagi semua mangsa, tidak kira jantina, seksualiti, status Medicare, kebolehan dan latar belakang.
- Bantuan sokongan penjagaan krisis termasuk kaunseling dan advokasi. Ianya boleh juga termasuk sokongan untuk memperolehi penjagaan perubatan dan maklumat tentang hak-hak dan pilihan anda dari segi undang-undang.
- Sekiranya anda telah mengalami serangan dalam tempoh masa dua minggu kebelakangan ini dan ingin mendapatkan bantuan sokongan, sila hubungi [1800 806 292](tel:1800806292) dan berikan nama, bahasa pertuturan and nombor telefon anda.

## Kaunseling dan sokongan advokasi.

Kami memberikan bantuan kaunseling individu dan advokasi yang berterusan. Mangsa-mangsa boleh mendapatkan akses kepada 12 sesi kaunseling individu dengan kaunselor advokasi. Perkhidmatan ini ditawarkan pada waktu pejabat.

- Kaunselor kami menggunakan pelbagai pendekatan kaunseling untuk bertugas dengan anda agar lebih memahami impak keganasan seksual. Kami akan berkerja dengan anda untuk mencapai matlamat anda dan memberikan sokongan tanpa sebarang tanggapan pada anda.
- Perkhidmatan kami adalah peribadi dan sulit. Setiap kaunseling mengambil masa lebih kurang satu jam. Kami menawarkan temujanji secara bersemuka atau melalui panggilan video, pada waktu pejabat, Isnin ke Jumaat, dari 9 pagi ke 5 petang.
- Dalam beberapa kes, kaunselor kami boleh juga memberikan perkhidmatan advokasi. Ini bermaksud mereka akan memberikan bantuan sokongan kepada anda dengan berkerja sama dengan pihak atau organisasi lain, termasuk pihak polis.
- Sekiranya anda mahukan akses kepada kaunseling di CASA House, sila hubungi kami di 03 9635 3600 dan berikan nama, bahasa pertuturan dan nombor telefon.
- Apabila membuat panggilan untuk kali pertama, kami akan meminta agar anda memberikan sedikit maklumat tentang sebab anda menelefon kami. Anda boleh beritahu kami jika anda inginkan satu sesi kaunseling yang pendek melalui telefon, kaunseling yang berterusan atau kedua-dua sekali.
- Sekiranya kami bersetuju menjalankan kaunseling berterusan yang akan memberikan bantuan sokongan yang anda perlukan, kami akan menjadualkan satu temujanji pengambilan. Oleh itu, kami perlukan nama, alamat dan butiran demografik yang lain.

## Kawan-kawan dan keluarga

Ianya mungkin agak susah dan menyedihkan apa bila seseorang yang anda ambil berat telah mengalami serangan seksual atau penderaan. Ianya mungkin juga susah untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan atau katakan, atau apakah cara yang terbaik untuk menyokong seseorang mangsa.

- CASA House menawarkan bantuan sokongan penerangan kepada kawan-kawan dan ahli keluarga mangsa yang tidak melakukan kesalahan.
- Kami boleh membincangkan tentang cara terbaik anda yang boleh memberikan sokongan kepada orang yang mengalami serangan seksual. Anda juga boleh bercakap dengan kami tentang impak menyokong mereka dan mendengarkan cerita mereka yang meninggalkan kesan kepada anda.
- Kami boleh menawarkan bantuan sokongan kaunseling melalui telefon. Kami boleh juga menawarkan sebanyak dua temujanji, sama ada bersemuka atau panggilan telefon.

## Hubungi kami

### Penjagaan Krisis

Hubungi kami di [1800 806 292](tel:1800806292) untuk bercakap dengan kaunselor tentang bantuan penjagaan krisis. Anda akan dipindah ke perkhidmatan CASA pada waktu pejabat. Selepas waktu pejabat anda akan dipindah ke Talian Krisis Serangan Seksual (SACL).

## **Pengambilan & Talian Kaunseling CASA House**

Untuk bercakap dengan kaunselor untuk bantuan sokongan ringkas, atau berbincang tentang cara mendapatkan kaunseling yang berterusan, sila hubungi [\(03\)96353610](tel:(03)96353610) atau kirimkan emel ke [Intake.casa@thewomens.org.au](mailto:Intake.casa@thewomens.org.au)

Perkhidmatan ini disediakan semasa waktu pejabat (Isnin – Jumaat, 9 pagi – 5 malam).

## **Talian Pentadbiran CASA House**

Untuk maklumat tentang temujanji anda dan pertanyaan am, sila hubungi talian pentadbiran kami di [\(03\)96353600](tel:(03)96353600) atau hantarkan emel kepada [casa@thewomens.org.au](mailto:casa@thewomens.org.au)

## **Lokasi Pejabat Utama kami**

Pejabat utama CASA House adalah di Queen Victoria Women's Centre (QVWC) di 210 Lonsdale Street, Melbourne.

CASA House berada di Aras 3, yang boleh menggunakan lif atau tangga. Ia terletak berdekatan dengan pintu masuk belakang bangunan. Bangunan kami dilengkapi dengan akses orang kurang upaya. Anda boleh berbincang mengenai keperluan akses anda dengan kami.